

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
Kempen “CIMB OCTO Returning Top Up” 2024

1. Kempen “**CIMB OCTO Returning Top Up**” (“**Kempen**”) adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)) (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad (No. Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)) (“**CIMB Islamic Bank**”). Setiap sebutan “**CIMB**” merujuk kepada kedua-dua CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank.

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung pada **1 April 2024 jam 00:00 (GMT+8)** dan berakhir pada **31 Mei 2024 jam 23:59 (GMT+8)**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi selama tujuh (7) hari kalendar untuk menukar jangka masa, tarikh permulaan dan/atau tamat Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Semua pelanggan CIMB Clicks dan CIMB OCTO baharu dan sedia ada yang tidak pernah melakukan apa-apa tambah nilai prabayar mudah alih untuk tiga (3) bulan berturut-turut yang lalu sebelum tarikh permulaan Tempoh Kempen melalui fungsi “**Tambah Nilai**” pada aplikasi mudah alih CIMB OCTO/ CIMB Clicks atau portal perbankan dalam talian CIMB Clicks mereka adalah layak untuk menyertai Kempen ini (“**Peserta Layak**”). Peserta Layak mesti mengekalkan akaun semasa/-i atau akaun simpanan/-i CIMB yang sah dan aktif yang dipautkan dan didaftarkan dengan kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks (“**Akaun Penyertaan**”).
5. Orang/entiti berikut TIDAK akan layak untuk menyertai Kempen ini untuk memenangi Hadiah (selepas ini ditakrifkan di **Klausula 6** di bawah):
 - a. Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan kempen, penjual dan penyedia perkhidmatan pihak ke-3) CIMB (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaannya) dan/atau kakitangan dan/atau pekerja tetap, sementara dan/atau kontrak wakil dan/atau ejen sedemikian, dan/atau ahli keluarga terdekat (iaitu pasangan, anak, ibu bapa, adik beradik) wakil, ejen, kakitangan dan/atau pekerja sedemikian; dan/atau
 - b. Pelanggan yang Akaun Penyertaan telah ditamatkan, digantung, dibatalkan atau menjadi dorman dalam Tempoh Kempen; dan/atau
 - c. Pelanggan yang Akaun Penyertaan dengan CIMB telah dianggap sebagai delinkuen atau tidak berada dalam kedudukan yang baik sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh CIMB mengikut budi bicara tunggal dan mutlak; dan/atau
 - d. Pelanggan yang telah diisytiharkan sebagai bankrap atau penggulungan, mempunyai prosiding undang-undang dalam apa jua sifat yang dimulakan terhadap mereka, atau hendaklah telah diisytiharkan sebagai tidak waras; dan/atau
 - e. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.

Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan merepresentasikan dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam kategori individu/entiti yang dikecualikan di atas.

Hadiah

6. Peserta Layak berpeluang memenangi hadiah berikut (“**Hadiah**”) di bawah Kempen ini:

| Kategori Hadiah | Hadiah | Bilangan Pemenang | | | | | | | | |
|---|---|-------------------|--------|---|-------|---|-------|---|-----|------------------------------------|
| Hadiah Pulangan Tunai (“Cashback Prize”) | <p>Pulangan Tunai RM1, RM3 & RM5 sebanyak 8,700 unit Hadiah untuk ditebus sepanjang Tempoh Kempen, atas dasar “<i>tiba dahulu layan dahulu</i>”, bermula daripada nilai yang tertinggi.</p> <table border="1"><thead><tr><th>Denominasi (RM)</th><th>Jumlah</th></tr></thead><tbody><tr><td>1</td><td>5,000</td></tr><tr><td>3</td><td>3,000</td></tr><tr><td>5</td><td>700</td></tr></tbody></table> | Denominasi (RM) | Jumlah | 1 | 5,000 | 3 | 3,000 | 5 | 700 | 8,700 pemenang (<i>maksimum</i>) |
| Denominasi (RM) | Jumlah | | | | | | | | | |
| 1 | 5,000 | | | | | | | | | |
| 3 | 3,000 | | | | | | | | | |
| 5 | 700 | | | | | | | | | |
| Hadiah Utama | Samsung Galaxy S22 Ultra 5G | 1 pemenang | | | | | | | | |

7. Setiap Peserta Yang Layak berpeluang untuk menang Hadiah Pulangan Tunai sehingga dua (2) kali sahaja dan Hadiah Utama sebanyak satu (1) kali sepanjang Tempoh Kempen.

Mekanik Kempen

8. Peserta Layak boleh memenangi Hadiah Pulangan Tunai dan memperolehi penyertaan (“**Penyertaan**”) untuk memenangi Hadiah Utama dirujuk dalam **Klaus 6** di atas dengan melakukan transaksi berikut semasa Tempoh Kempen: -

| Kategori Hadiah | Kriteria Penyertaan |
|-----------------------|--|
| Hadiah Pulangan Tunai | <p>Peserta Layak mesti melakukan dua (2) transaksi Tambah Nilai dengan perbelanjaan minimum RM10 setiap transaksi (“Transaksi Layak”) pada aplikasi perbankan mudah alih CIMB OCTO dalam Tempoh Kempen.</p> <p>Tertakluk kepada ketersediaan Hadiah Pulangan Tunai, Peserta Layak layak memenangi Hadiah Pulangan Tunai kedua (Ke-2) jika mereka kemudiannya melakukan tambah nilai ketiga (Ke-3) dan keempat (Ke-4) ke prabayar mudah alih mereka melalui transaksi Tambah Nilai minimum RM10.00 pada aplikasi mudah alih CIMB OCTO dalam Tempoh Kempen.</p> <p>Kriteria Penyertaan ini tertakluk kepada peruntukan dalam Klaus 14 di sini.</p> |

| | |
|--------------|--|
| Hadiah Utama | <p>Peserta Layak mesti melakukan tambah nilai ke prabayar mudah alih mereka melalui dua (2) atau lebih transaksi Tambah Nilai minimum RM10.00 setiap transaksi pada aplikasi mudah alih CIMB OCTO dalam Tempoh Kempen.</p> <p>Untuk dua (2) transaksi Tambah Nilai yang pertama, Peserta Layak akan memperolehi satu (1) Penyertaan; dan bagi setiap transaksi Tambah Nilai berikutnya, Peserta Layak akan memperolehi tambahan satu (1) Penyertaan bagi setiap transaksi.</p> <p>Kriteria Penyertaan ini tertakluk kepada peruntukan dalam Klausa 15 di sini.</p> |
|--------------|--|

Transaksi Tambah Nilai yang disebutkan di atas selepas ini hendaklah dirujuk sebagai “**Transaksi Layak**”.

9. Untuk kejelasan, transaksi Tambah Nilai dengan nilai transaksi kurang daripada RM10.00 tidak akan layak untuk dianggap sebagai Transaksi Layak.
10. Peserta Layak boleh melakukan Transaksi Layak melalui mana-mana penyedia perkhidmatan yang disenaraikan di bawah fungsi “**Tambah Nilai**” dalam aplikasi mudah alih CIMB OCTO.
11. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa sebarang penentuan oleh CIMB sama ada manamana transaksi tertentu layak untuk dianggap sebagai Transaksi Layak hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif dan penentuan sedemikian tidak akan dicabar dalam apa cara sekalipun.
12. Penjejakan Transaksi Layak hendaklah berdasarkan tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
13. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembayaran yang dilakukan oleh Peserta Layak melalui gerbang pembayaran dalam talian FPX elektronik dan/atau saluran pembayaran lain melalui aplikasi dan/atau laman web luaran lain (*iaitu pembayaran bukan melalui aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau portal perbankan dalam talian CIMB Clicks*) tidak akan dianggap sebagai Transaksi Layak di bawah Kempen ini.

Pemilihan Pemenang

14. Hadiah Pulangan Tunai

- a. Peserta Layak yang melakukan tambah nilai ke prabayar mudah alih mereka melalui Transaksi Layak mengikut cara yang dinyatakan dalam **Klausa 8** di atas akan memenangi Hadiah Pulangan Tunai. Kesemua 8,700 unit Hadiah Pulangan Tunai diberikan atas dasar “*tiba dahulu layan dahulu*” dan penerima Hadiah Pulangan Tunai hendaklah selepas ini dirujuk sebagai “**Pemenang Hadiah Pulangan Tunai**”.
- b. Setiap Peserta Layak berhak menerima sehingga dua (2) Hadiah Pulangan Tunai dalam Tempoh Kempen (**1 April 2024 jam 00:00 (GMT+8)** dan berakhir pada **31 Mei 2024 jam 23:59 (GMT+8)**) dan tertakluk kepada ketersediaan.
- c. Jika Pemenang Hadiah Pulangan Tunai tidak mencukupi menjelang hujung Tempoh Kempen, CIMB boleh mengikut budi bicara mutlaknya melucutkan Hadiah Pulangan Tunai yang tidak diberikan kepada mana-mana Pemenang Hadiah Pulangan Tunai.

15. Hadiah Utama

- a. Pada hujung Tempoh Kempen, sistem CIMB akan menyenarai pendek senarai pemenang berpotensi daripada kumpulan Peserta Layak yang telah memperolehi Penyertaan (menurut **Klausu 8** di atas) dalam Tempoh Kempen ("**Pemenang Hadiah Utama Berpotensi**").
 - b. Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang nombor mudah alihnya telah didaftarkan dan dikekalkan dalam rekod CIMB akan dihubungi oleh CIMB melalui khidmat pesanan ringkas ("**SMS**"). Pemenang Hadiah Utama Berpotensi akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul dengan membalas SMS tersebut dalam masa terpantas.
 - c. Tertakluk kepada **Klausu 16** di bawah, Pemenang Hadiah Utama Berpotensi pertama yang membalas SMS dengan jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah Utama ("**Pemenang Hadiah Utama**"). Untuk mengelakkan keraguan, hanya Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang mempunyai alamat e-mel, alamat suratmenyurat dan nombor mudah alih sah yang dikekalkan dalam rekod CIMB akan layak untuk memenangi Hadiah Utama di bawah Kempen ini.
 - d. Semua sesi soal jawab akan diadili dan diputuskan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB dan keputusan hakim panel yang dipilih oleh CIMB hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif.
 - e. Jika Pemenang Hadiah Utama tidak dipilih atas apa jua sebab, CIMB boleh mengikut budi bicara mutlaknya memilih Pemenang Hadiah Utama baharu mengikut cara yang dinyatakan dalam **Klausu 15(a) hingga (d)** di atas.
16. Ia hendaklah menjadi tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan alamat e-mel, alamat suratmenyurat dan nombor mudah alih mereka yang dikekalkan dengan CIMB adalah terkini dan dikemas kini, dan Peserta Layak hendaklah mengemas kini dan memaklumkan kepada CIMB jika terdapat sebarang perubahan pada alamat e-mel, alamat surat-menysurat dan/atau nombor mudah alih. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian (termasuk sebarang kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang mengalir daripadanya) yang dialami atau untuk sebarang kegagalan untuk memenuhi penghantaran Hadiah jika kehilangan atau kegagalan tersebut disebabkan oleh alamat e-mel, alamat surat-menysurat dan/atau nombor mudah alih Peserta Layak yang bukan terkini atau tidak tepat.
17. Pada masa pemilihan Pemenang Hadiah Utama dan Pemenang Hadiah Pulangan Tunai (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Pemenang**"), Akaun Penyertaan mereka (a) MESTI berada dalam kedudukan yang baik; dan (b) MESTI TIDAK memungkiri mana-mana Terma-Terma dan SyaratSyarat di sini dan/atau perjanjian yang mengawal Akaun Penyertaan; dan (c) MESTI TIDAK ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan ("*adverse orders*") yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau dijadikan tidak sah atau telah dibatalkan dalam apa-apa cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen. Jika tidak, Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau menjadi Pemenang di bawah Kempen ini.

Pemenuhan Hadiah

18. Hadiah Pulangan Tunai

- a. Hadiah Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pemenang Hadiah Pulangan Tunai (sebagaimana yang boleh dipilih oleh CIMB mengikut budi bicara mutlakanya) dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.
- b. Mana-mana Pemenang Hadiah Pulangan Tunai yang Akaun Penyertaannya dengan CIMB telah ditamatkan, digantung, dibatalkan, ditutup atau dorman sebelum pengkreditan Hadiah Pulangan Tunai tidak akan layak untuk menerima Hadiah Pulangan Tunai di bawah Kempen ini.

19. Hadiah Utama

- a. CIMB akan memaklumkan kepada Pemenang Hadiah Utama tentang kemenangan beliau pada hujung Tempoh Kempen melalui: (a) paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB di www.cimbclicks.com.my; atau (b) mel elektronik; atau (c) SMS ke nombor mudah alih Pemenang Hadiah Utama yang dikekalkan dengan CIMB; atau (d) pemberitahuan semerta; atau (e) sebarang cara pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh CIMB.
 - b. Hadiah Utama akan dihantar ke alamat surat-menyurat Pemenang Hadiah Utama di Malaysia yang kini dikekalkan dengan CIMB dalam dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen oleh pengedar/ejen pihak ketiga lantikan CIMB.
 - c. Pemenang Hadiah Utama dengan ini secara nyata bersetuju dan memberi kuasa kepada CIMB untuk mendedahkan butirannya (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat surat-menyuratnya) kepada pengedar/ejen yang kemudiannya boleh menghubungi Pemenang Hadiah Utama berkenaan penghantaran Hadiah Utama.
20. Semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang berhubung dengan Kempen dan/atau tuntutan Hadiah termasuk fi, levi atau cukai yang dikenakan atau akan dikenakan adalah liabiliti dan tanggungjawab tunggal Pemenang.
21. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, ditukar dengan hadiah atau ganjaran berbeza dengan nilai setara atau mana-mana alternatif lain dalam apa jua keadaan sekalipun. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang untuk menghantar Hadiah ke mana-mana akaun bank lain (sama ada dipegang dengan CIMB dan/atau mana-mana institusi kewangan lain), dan/atau alamat e-mel/alamat mel/nombor mudah alih.
22. Imej Hadiah Utama yang ditunjukkan dalam mana-mana bahan pemasaran dan/atau pengiklanan adalah untuk tujuan visual sahaja dan mungkin berbeza daripada Hadiah Utama sebenar yang diterima. Pemenang Hadiah Utama tidak dibenarkan memilih atau menukar Hadiah Utama.
23. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB secara nyata mengecualikan dan menafikan apa-apa representasi, waranti atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tentang Hadiah Utama dan tidak akan memikul sebarang tanggungjawab untuk Hadiah Utama yang ditawarkan di bawah Kempen ini. CIMB tidak akan melayan sebarang jua aduan yang berkaitan dengan Hadiah Utama.
24. Hadiah Utama ditawarkan dan/atau disediakan semata-mata oleh pengedar/ejen yang berkaitan, di bawah terma-terma dan syarat-syarat seperti yang ditentukan oleh pengedar/ejen tersebut dan CIMB tidak menerima tanggungjawab (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan,

punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) walau apa jua pun yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya yang berkaitan dengan Hadiah Utama, walaupun jika CIMB telah dinasihatkan tentang kemungkinan ganti rugi sedemikian terlebih dahulu, dan semua ganti rugi sedemikian dikecualikan dengan nyata.

25. Sebarang aduan berhubung dengan Hadiah Utama hendaklah dirujuk kepada pengedar/ejen seperti yang dimaklumkan oleh CIMB. Hadiah Utama tidak pernah diperakui oleh CIMB dan dalam apa jua keadaan sekalipun, kemasukan Hadiah Utama dalam Kempen ini tidak boleh ditafsirkan sebagai pengendorsan atau pengesyoran oleh CIMB. Tanggungjawab CIMB berkenaan dengan Hadiah Utama adalah hanya untuk membayar harga yang sama kepada pengedar/ejen.
26. CIMB tidak menerima tanggungjawab terhadap sebarang implikasi cukai yang mungkin timbul daripada Hadiah Utama atau penggunaannya. Sebarang kewajipan pemfailan cukai atau sebarang pembayaran cukai yang perlu dibayar kepada mana-mana pihak berkuasa akibat daripada penerimaan Hadiah Utama kekal menjadi tanggungjawab tunggal Pemenang Hadiah Utama. Ia adalah menjadi tanggungjawab Pemenang Hadiah Utama untuk mendapatkan nasihat bebas tentang kemungkinan implikasi yang mungkin ada pada situasi kewangannya sendiri.
27. Pemenang Hadiah Utama hendaklah mengikut budi bicara tunggal dan mutlak CIMB dikehendaki menghadiri dan menyertai majlis penyampaian hadiah dan/atau acara berkaitan lain yang dianjurkan oleh CIMB (jika ada) dan jika Pemenang Hadiah Utama gagal menghadiri majlis dan/atau acara tersebut, CIMB merizabkan hak untuk melucutkan Hadiah Utama dan memilih Pemenang Hadiah Utama yang lain.
28. CIMB merizabkan hak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang Hadiah Utama untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa jua cara yang difikirkannya sesuai. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang Hadiah Utama dengan ini membenarkan dan bersetuju bahawa CIMB adalah bebas untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang Hadiah Utama tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Ketidapatuhan boleh menyebabkan Pemenang Hadiah Utama alternatif dipilih.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

29. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan juga telah membenarkan CIMB memproses dan mendedahkan maklumat peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di www.cimb.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan dengan adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang akan diberikan dan penentuan Peserta Layak hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif.
30. Akaun Penyertaan Peserta Layak (a) MESTI TIDAK memungkiri mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan/atau perjanjian yang mengawal Akaun Penyertaan; DAN (b) MESTI TIDAK ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau dijadikan tidak sah atau telah dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen atau sebelum pemenuhan Hadiah, jika tidak Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Hadiah akan dilucuthakkan.

31. CIMB merizabkan hak mengikut budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ianya tentukan telah mengganggu proses penyertaan, atau telah bertindak memungkiri atau berpotensi memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
32. Sebarang penentuan oleh CIMB mengenai pengiraan dan/atau amaun dan/atau pemenuhan Hadiah hendaklah konklusif dan tidak akan dicabar dalam apa jua cara sekalipun, melainkan kesilapan nyata.
33. CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau ganti rugi akibat daripada penggunaan Hadiah oleh Pemenang.
34. Semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Peserta Layak berhubung dengan Kempen dan/atau tuntutan Hadiah termasuk fi, levi atau cukai yang dikenakan atau akan dikenakan hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak.
35. Dengan penerimaan Hadiah, Peserta Layak bersetuju untuk tidak memudaratkan CIMB dan ahli gabungannya serta pengarah, pegawai, pekerja dan ejen mereka masing-masing daripada dan terhadap sebarang tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, ganti rugi, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang berkaitan dengan: -
 - a. penyertaan dalam Kempen; atau
 - b. penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah,oleh Peserta Layak.
36. Semua risiko, kerugian atau ganti rugi yang berkaitan dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak.
37. CIMB merizabkan hak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan item lain yang mempunyai kos setara dan/atau untuk melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh CIMB tidak akan melayakkan mana-mana Peserta Layak atau mana-mana orang lain jua kepada sebarang tuntutan atau pampasan terhadap CIMB untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini.
38. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa-apa cara sekalipun bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajibannya di sini, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan manamana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, perang, mogok, rusuhan, apa-apa bencana alam ('*act of God*') di luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
39. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi dalam apa jua sifat yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad

kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak) walau bagaimanapun timbul, berkenaan dengan penyertaan atau kegagalan penyertaan dalam Kempen ini termasuk yang timbul daripada apa-apa kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan pemberitahuan oleh Peserta Layak melainkan yang sama timbul daripada dan adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

40. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk meminda (sama ada dengan penambahan, pepadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada Peserta Layak berkenaan dengan Pindaan hendaklah dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu daripada cara komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my atau laman web CIMB di www.cimb.com.my di mana peruntukan terperinci berkenaan Pindaan boleh diberikan di dalam notis tersebut sendiri atau boleh diberikan kepada Peserta Layak atas permintaan, atau dengan melaksanakan suatu iklan berkenaan Pindaan di dalam suatu surat khabar pilihan CIMB atau dengan mana-mana cara pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh CIMB dan Pindaan tersebut akan dianggap sebagai mengikat ke atas Peserta Layak dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau mana-mana tarikh lain sepertimana yang mungkin ditetapkan oleh CIMB di dalam pemberitahuan. Peserta Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB Clicks dan/atau laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk melihat Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka sentiasa dikemas kini dengan sebarang perubahan atau pengubahsuaian kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
41. Tiada pampasan dalam bentuk wang tunai atau apa-apa jenis akan diberikan kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung Pindaan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
42. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa menurut **Klausula 40** di atas) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Perjanjian Perbankan Dalam Talian CIMB Clicks dan terma-terma dan syarat-syarat semasa yang mengawal Akaun Penyertaan yang akan terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
43. Sebarang pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, persoalan atau aduan oleh Peserta Layak berkenaan Akaun Penyertaan di bawah CIMB Islamic Bank hendaklah ditujukan kepada CIMB Islamic Bank dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang perkara berkaitan dengan Akaun Penyertaan di bawah CIMB Islamic Bank.
44. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan semasa yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berkenaan dengan atau yang terpakai kepada Kempen atau apa-apa perkara di sini.
45. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang disebutkan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB di dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Perjanjian Perbankan Dalam Talian CIMB

Clicks telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal operasi penggunaan kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks oleh Peserta Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan SyaratSyarat ini akan mengatasi yang lain.

46. Bagi maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB (“**CRU**”) yang mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile yang berikut (atau mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile sedemikian sepertimana yang boleh ditukarkan oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada Peserta Layak):

| | |
|----------------|--|
| Alamat: | Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan |
| No. Telefon: | 603 6204 7788 |
| No. Faksimile: | 603 2691 3248 |
| E-mel: | cru@cimb.com |